



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTthem)**
www.jthem.com



**PERKEMBANGAN INSTITUSI MUZIUM EROPAH DALAM
MEMPENGARUHI KEWUJUDAN MUZIUM DI MALAYSIA**

*DEVELOPMENT OF EUROPEAN MUSEUM INSTITUTIONS IN AFFECTING
THE EXISTENCE OF MUSEUMS IN MALAYSIA*

Mohd Syafiq Zaini¹, Mohd Sohaimi Esa^{2*}, Saifulazry Mokhtar³, Sharifah Darmia Sharif Adam⁴

¹ Pascasiswazah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: syafiqzaini120398@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: msohaimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: shdarmia@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 29.09.2022

To cite this document:

Zaini, M. S., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Adam, S. D. S. (2022). Perkembangan Institusi Muzium Eropah Dalam Mempengaruhi Kewujudan Muzium Di Malaysia. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 260-280.

DOI: 10.35631/JTthem.729018.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Muzium memainkan peranan yang penting dalam menjaga dan memulihara segala artifak berkaitan sejarah lampau mahu pun warisan dan budaya sesebuah peradaban masyarakat. Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kaya dengan pelbagai warisan dan budaya, maka institusi muzium memainkan signifikan yang penting dalam menjaga warisan pengetahuan tersebut bagi generasi akan datang. Namun, masih ada segelintir individu dalam kalangan masyarakat masih menganggap bahawa institusi muzium tidak memberikan signifikansi yang positif dalam sosial masyarakat. Pemikiran ini boleh terjadi akibat daripada dasar pembentukan muzium di Malaysia yang dikawal oleh pemikiran kolonial suatu ketika dahulu. Institusi muzium mengalami perubahan mengikut peredaran masa ke arah positif dalam menghasilkan sebuah pengurusan yang terbaik dalam menjaga pengetahuan terhadap sejarah lampau. Perkembangan muzium di peringkat Eropah dilihat telah mempengaruhi kemasukan ideologi bidang permuziuman di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis terhadap data-data kajian terhadap sejarah perkembangan muzium di peringkat dunia sehingga ia dibawa masuk oleh kolonial British ke Malaysia pra merdeka. Tumpuan kajian memfokuskan kepada bagaimana dan apakah pengaruh yang dibawa oleh barat dalam institusi muzium di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa, falsafah *Renaissance* yang di amalkan oleh orang

Eropah sekitar abad ke-14, telah menggesa mereka keluar berlayar ke lautan dan menerokai wilayah lain. Ini secara tidak langsung menjurus kepada penjajahan ke atas wilayah bukan Eropah. Dalam konteks kolonial British, kedatangan mereka menjajah Tanah Melayu tidak bertangan kosong, malah membawa masuk ilmu kolonial yang kemudiannya menjadi dasar kepada pembentukan institusi muzium di Malaysia. Namun, pentafsiran artifak, sejarah, warisan dan budaya yang bersifat *euro-centric*, menyebabkan berlakunya pelaksanaan dekolonisasi muzium selepas pasca merdeka. Inibertujuan agar suatu sejarah tempatan dapat ditafsirkan dengan betul menerusi sudut pandang serta pengetahuan masyarakat tempatan.

Kata Kunci:

Perkembangan Muzium, Pengaruh Kolonial, Dekolonisasi, Eropah dan Malaysia

Abstract:

Museums play an important role in preserving and conserving all artifacts related to the past history as well as the heritage and culture of a society's civilization. Malaysia as a country that consists of various races and rich in various heritages and cultures, the museum institution plays an important role in preserving the heritage of knowledge for future generations. Museum institutions have undergone changes over time in producing an excellent management in preserving knowledge of past history. The development of museums at the European level is seen to have influenced the entry of the ideology of the field of museums in Malaysia. This study uses a qualitative method by analyzing the research data on the history of the development of museums in the world until it was brought in by the British colonial to Malaysia before independence. The focus of the study focuses on how and what is the influence brought by the west in museum institutions in Malaysia. The results show that, the *Renaissance* philosophy practiced by Europeans around the 14th century, has urged them to sail out to the ocean and explore other regions. This indirectly led to colonization of non-European territories. In the British colonial context, their arrival to colonize Malaya was not empty handed, but brought in colonial knowledge which later became the basis for the establishment of museum institutions in Malaysia. However, the interpretation of artifacts, history, heritage and culture that is euro-centric, led to the implementation of the decolonization of museums after independence. This is so that a local history can be interpreted correctly through the point of view and knowledge of the local community.

Keywords:

Museum Development, Colonial Influence, Decolonization, Europe, Malaysia.

Pendahuluan

Muzium merujuk kepada sebuah institusi yang didedikasikan untuk memelihara dan mentafsir bukti warisan ketara (*tangible*) atau tidak ketara (*intangible*) di dalam peradaban manusia dan alam sekitar (Britannica, 1999). *International Council of Museums (ICOM)*, menyatakan muzium ialah sebuah institusi yang tidak menjana keuntungan, terbuka kepada orang ramai, kekal dalam perkhidmatan masyarakat dan pembangunannya, yang memperoleh, memulihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara serta persekitarannya untuk tujuan pendidikan, belajar dan keseronokan (*International Council of Museum*, 1990). Menurut, Othman Yatim (2005), mendefinisikan muzium sebagai bangunan

di mana terkumpulnya sejumlah objek atau bahan yang memaparkan kegiatan sejarah, sains, seni dan sebagainya untuk dipamerkan dan dipelajari. George Brown Goode (1985), melihat muzium dalam konteks ilmu pengetahuan sebagai pusat perbincangan kritis mengenai peradaban masa lampau. Muzium memaparkan rekod pemikiran dan aktiviti manusia masa lampau dengan memelihara dan memanfaatkan objek alam, karya seni, warisan, budaya dan industri. Muzium dan perpustakaan seringkali dikaitkan antara satu sama lain tetapi sebenarnya mempunyai sedikit perbezaan antara keduanya. Kedua institusi berperanan sebagai pusat penyelidikan, penyimpanan dan penyebaran ilmu pengetahuan, namun barang-barang yang disimpan di muzium adalah lebih unik dan merupakan bahan mentah kajian dan penyelidikan yakni artifak atau objek sejarah lampau. Di sebalik tabir, muzium sedang menjalankan penyelidikan penting mengenai objek dan artifak dalam koleksi mereka. Bukan sahaja kakitangan di muzium menjalankan penyelidikan, tetapi muzium juga boleh bekerjasama dengan entiti luar seperti universiti supaya penyelidik, pelajar siswazah dan profesor berpeluang menggunakan koleksi mereka. Secara amnya muzium didefinisikan sebagai sebuah bangunan yang menjaga dan menyimpan objek seni, budaya, warisan, sejarah, artifak atau dokumen-dokumen lama untuk dipamerkan kepada orang umum. Institusi muzium bukanlah suatu perkara yang baharu tetapi telah dikenal pasti kewujudannya sejak zaman klasik lagi. Dalam konteks sejarah muzium di Malaysia, konsep amalan pengurusan muzium telah wujud sejak era pemerintahan Kesultanan Melayu di Tanah Melayu.

Peredaran semasa menyebabkan berlaku perkembangan dan perubahan dari segi konsep dan pengurusan muzium. Ideologi muzium moden ini telah tersebar meluas di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Kesedaran akan kepentingan dan signifikan muzium kepada masyarakat menjadikan institusi muzium kekal relevan sehingga kini. Namun begitu, bagi mengekalkan kerelevanan muzium mengikut peredaran semasa bukan suatu perkara yang mudah. Terdapat aspek perlu diambil kira bagi memenuhi kehendak masyarakat semasa untuk muzium kekal relevan dan responsif terhadap isu-isu sosial dan alam sekitar yang mendesak seperti populasi penduduk dan kemampanan, keadilan sosial dan hak Orang Asli atau Peribumi (Kelly, 2006; Jahnsen, 2019). Oleh hal yang demikian dapat dilihat bahawa muzium pada abad ke-21 ini ke arah berorientasikan masyarakat (*community oriented*). Jika secara tradisinya mereka memberi tumpuan kepada pemuliharaan dan pemulihan koleksi, kini mereka menjadi ruang pameran serta platform untuk berdialog dan komunikasi secara umum bersama pengunjung (Aurel Gheorghilas & rakan-rakan, 2017). Dalam era masyarakat moden di mana maklumat telah dapat diakses dengan mudah secara capaian maya oleh semua orang, sama ada di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar (UNESCO, 2020). Oleh itu, institusi budaya yang memelihara dan mempromosikan warisan perlu menambah baik cara untuk menghantar mesej dan maklumat kerana cara penyampaian serta pemindahan maklumat secara bersemuka semakin kurang dalam kalangan pengunjung. Lebih-lebih lagi, disebabkan kecanggihan orang ramai dan kesan teknologi terhadap kehidupan seharian, masa telah menjadi sumber yang paling bernilai untuk semua orang, tanpa mengira umur, pendapatan, kedudukan dan ciri-ciri lain. Perubahan besar di mana masa lapang dilihat pada masa kini mempunyai akibat langsung terhadap pilihan orang ramai tentang cara menghabiskannya. Dunia moden digital pada abad ke-21 telah berjaya memberikan kepentingan di dalam peradaban manusia kini, namun jika tidak disediakan dengan betul, ia boleh menyebabkan impak kepada masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Di tengah-tengah masalah dan perubahan sosial ini, peranan muzium menjadi lebih penting, dan terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk mereka sentiasa berinovasi dan seiring dengan perubahan dunia digital tersebut agar ilmu dan budaya itu sentiasa dipelihara (Byungjin Choi & Junic Kim, 2019).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian di dalam penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan mengikut disiplin sejarah iaitu bersifat kualitatif yang lebih kepada naratif perbincangan secara deskriptif analitikal di dalam penulisan kajian. Data kajian kualitatif bersifat deskriptif, berupa catatan temu bual, rekod pemerhatian, penelitian dokumen dan data dianalisis secara induktif (Mohajan, 2018). Hal ini sesuai dengan tajuk artikel yang membincangkan mengenai sejarah perkembangan institusi muzium di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpul sumber yang berbentuk primer dan sekunder. Di dalam kajian sejarah, pengumpulan sumber adalah sangat penting bagi membantu agar sesuatu fakta itu dapat diperjelaskan dengan jelas dan teliti. Pada masa yang sama ia mampu mengelakkan suatu kajian sejarah daripada unsur-unsur sentrik atau bias dalam membuat penafsiran terhadap sesuatu peristiwa lampau (Ishak Saat, 2010). Sumber primer adalah sumber yang mengalami proses tafsiran atau analisis seperti fail-fail rasmi, rekod-rekod kerajaan, dokumen dan saksi mata suatu peristiwa lampau. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih kepada menggunakan sumber sekunder. Penelitian dilihat terhadap penulisan-penulisan lepas dan terkini yang berkaitan institusi muzium. Penulisan kajian lepas berfokuskan kepada dua perkara yakni, berkaitan sejarah perkembangan muzium dan bidang muzium di Eropah seperti, penulisan George Brown Goode, Francis Bacon, Steven Mullaney dan David Murray yang merupakan pakar dalam bidang muzium atau museologi di Eropah.

Seterusnya, melihat kepada sejarah perkembangan muzium di Malaysia dengan merujuk hasil penulisan pakar muzium tempatan seperti Abu Talib Ahmad. Sumber-sumber ini diperolehi daripada Jabatan Muzium Malaysia (JMM), serta beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Negara Malaysia. Selain itu, kumpulan artikel dan jurnal juga diakses secara maya atas talian. Beberapa kaedah data analisis diguna pakai di dalam kajian ini, misalnya, analisis kandungan yakni menganalisis maklumat yang didokumenkan dalam bentuk teks buku, jurnal, media dan barangan fizikal. Seterusnya analisis naratif, iaitu, menganalisis kandungan dari pelbagai sumber seperti pemerhatian lapangan atau tinjauan. Hasil daripada penelitian sumber penulisan-penulisan ini, ia akan dapat memperlihatkan sebuah naratif bagaimana wujudnya perkaitan di antara institusi muzium di Eropah dan Malaysia. Limitasi skop masa kajian ini tertumpu kepada tahun 1883 sehingga tahun 2021. Skop masa yang dipilih ini bagi memperlihatkan komparatif perubahan yang berlaku ke atas institusi muzium di Malaysia terutamanya dari aspek peranannya semasa zaman pra merdeka dengan zaman pasca merdeka. Tahun 1883 dijadikan sebagai pemula kerana ia merupakan tahun di mana muzium pertama dibina di Tanah Melayu oleh kolonial British. Manakala tahun 2021 pula menjadi penamat skop kajian bagi memperlihatkan keadaan muzium Malaysia pada era moden abad-21.

Persoalan dan Objektif Kajian

Institusi muzium seringkali dianggap sebagai sebuah bangunan lama yang berperanan dalam menjaga artifak sejarah lampau dan bahan-bahan lama. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang mengetahui bagaimana sejarah pembentukan institusi muzium ini, sama ada di peringkat Eropah mahu pun di dalam Malaysia ini. Hal ini demikian kerana, tidak banyak penyelidikan terkini yang memfokuskan perbincangan mengenai latar belakang institusi muzium dalam Malaysia dan perubahannya mengikut peredaran semasa. Selain itu, tahap kesedaran tentang kepentingan muzium dalam kalangan masyarakat masih dalam tahap yang rendah (Utusan Borneo Online, 2018; Baharuddin Mohd Arus, 2017). Muzium dianggap sebagai tempat yang bosan seperti tiada 'roh' dalam mengisi pemahaman mengenai sejarah, kebudayaan, warisan,

jati diri serta semangat cintakan negara. Pendedahan terhadap institusi muzium Malaysia perlu diperluaskan kepada masyarakat umum bagi memperlihatkan peranan dan kepentingannya. Seperti mana yang termaktub di dalam pelan strategik Jabatan Muzium Malaysia (JMM), menerapkan bahawa hasil-hasil kajian berkaitan permuziuman perlu dibangunkan bagi melengkapkan penerangan tentang artifak sedia ada serta institusi muzium itu sendiri sebagai nilai tambah agar muzium masih relevan untuk dikunjungi. Selari dengan matlamat menanamkan kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap budaya, penyelidikan perlu dilakukan bagi mengajar serta mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara khazanah negara (Jabatan Muzium Malaysia, 2019). Maka, suatu kajian berkaitan institusi pemuziuman terutamanya mengenai sejarah pemuziuman Malaysia adalah sangat diperlukan bagi melihat sejauh mana perkembangan institusi muzium Eropah mempengaruhi penubuhan muzium di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa persoalan. Persoalannya, bagaimanakah sejarah awal penubuhan institusi muzium di dunia? Adakah perkembangan institusi muzium Eropah mempengaruhi pertapakan ideologi kewujudan institusi muzium di Malaysia? Apakah pengaruh kolonial barat yang mempengaruhi institusi muzium di Malaysia? Dengan beberapa persoalan inilah antara yang menarik untuk dikupas dan dibincangkan. Selain itu, terdapat beberapa objektif kajian dalam penyelidikan ini bagi merungkai persoalan-persoalan yang timbul. Di antara objektifnya adalah untuk meneliti kronologi sejarah awal pembentukan institusi muzium di peringkat dunia. Keduaanya, membincangkan pengaruh perkembangan institusi muzium di Eropah terhadap kewujudan institusi muzium di Malaysia. Akhir sekali adalah menganalisis pengaruh yang dibawa oleh kolonial barat dalam institusi muzium di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kemunculan idea penubuhan institusi muzium bermula semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Menelusuri sejarah kewujudan institusi muzium di Malaysia, dilihat bahawa pengaruh Eropah menjadi faktor dominan kepada pertapakan ideologi muzium di Tanah Melayu pra merdeka (Abu Talib Ahmad, 2015). Namun, terdapat pandangan bahawa telah wujud sebuah institusi yang memainkan peranan yang serupa seperti mana muzium moden di Malaysia semasa era kolonial. Kajian terhadap permuziuman di Malaysia mendapati bahawa wujud institusi muzium di Tanah Melayu sebelum kedatangan kolonial lagi. Ahmad Farid Abdul Jalal, menerusi penulisan beliau yakni *Muzium dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia*, menyatakan bahawa institusi istana Raja semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu boleh dikategorikan sebagai muzium zaman silam di Alam Melayu. Hal ini demikian kerana, peranan istana yang mendasari konsep yang sama iaitu sebagai tempat mengumpul segala bentuk kesenian, warisan dan adat resam setempat seperti manuskrip, senjata, ukiran, tekstil serta hasil kerja yang terbaik dan berkualiti tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Perkenalan ideologi British dalam penubuhan muzium di Alam Melayu, boleh dikatakan sebagai penambahbaikan dari segi pengurusan dalam pemeliharaan serta pemuliharaan warisan dan budaya. Ini menjadikan ilmu bidang permuziuman di Tanah Melayu menjadi meluas dan sistematik berbanding istana.

Selain itu, penjajahan kuasa barat di Alam Melayu telah membawa masuk pengaruh ilmu kolonial yang dipergunakan oleh para orientalis. Rahim Affandi (2017), menegaskan bahawa ilmu kolonial ini menjadi tunjang kepada dasar pengurusan muzium moden di Malaysia. Ilmu kolonial ini bertujuan untuk mengkaji masyarakat tanah jajahan secara lebih tuntas dan terperinci. Ini secara tidak langsung telah menjurus kepada pertapakan ideologi pembinaan muzium pertama di Tanah Melayu ketika itu. Namun hakikatnya, penubuhan muzium yang

berlandaskan ilmu kolonial ini dibuat demi kepentingan kuasa penjajah sepenuhnya tanpa mengambil kira kebajikan masyarakat di tanah jajahan. Oleh hal yang demikian, suatu langkah perlu diambil bagi menolak falsafah barat dalam pengurusan institusi muzium pasca merdeka. Penulisan yang bertajuk *Kesedaran Muzium Baru di Malaysia*, mengkaji respon terhadap kelemahan penubuhan dan falsafah muzium kolonial diperkenalkan British yang timbul selepas merdeka. Pengaruh konsep muzium baru bertindak mengkritik serta menolak segala ideologi dan falsafah British yang wujud dalam institusi muzium Malaysia. Ini merujuk kepada pentafsiran artifak dan objek yang bersifat *euro-centric*. Pentafsiran sehala ini memperlihatkan British bertindak merendahkan bangsa Melayu dan agama Islam. Kajian penulisan yang bertajuk *Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu*, membahaskan teori-teori yang dikemukakan oleh kolonial terhadap dunia Melayu dalam usaha menyediakan sebuah rangka yang kukuh terhadap pembinaan konsep muzium baru, yang bebas daripada pengaruh kolonial.

Disebalik institusi muzium yang dikenali sebagai pusat penyimpanan dan penjagaan barangan sejarah lampau, muzium juga berperanan terhadap pelbagai aspek yang lain. Muzium juga mampu menyumbang kepada pembangunan negara dari politik, ekonomi mahupun sosial. Penulisan Jacqueline Tham (2020), berpendapat bahawa institusi muzium ini mampu dijadikan sebagai pusat mempromosikan imej budaya dan khazanah negara kepada para pelancong dan kemudian menjurus kepada pertumbuhan ekonomi negara. Baharuddin Mohd Arus (2017), menyatakan bahawa muzium bukan sahaja mengumpul dan memulihara tetapi tugas utama adalah sebagai *one stop centre*, pusat penyelidikan seni, sejarah dan warisan. Muzium juga dijadikan sebagai pusat pendidikan informal yang bertanggungjawab sebagai agen menyebarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman sejarah, budaya dan warisan bangsa. (Mohd Azmi & Miti Fateema, n.d.). Di dalam konteks muzium di Malaysia, ia dijadikan sebagai institusi penyatuan masyarakat yang berbilang kaum, dan agama (Kalb, 2008). Muzium diibaratkan sebagai institusi terbuka dalam menyemai semangat kekitaan melalui bahan pameran artifak yang diperagakan. Secara tidak langsung ia dapat memberi peluang kepada setiap anggota masyarakat, mengenali budaya sendiri atau bangsa lain.

Sejarah Perkembangan Muzium Di Eropah

Muzium Di Zaman Purba Klasik

Konsep dan penggunaan istilah muzium dapat dikenal pasti kewujudannya semasa zaman purba klasik. Ia berasal daripada perkataan Yunani *mouseion* yang membawa maksud tempat suci untuk para *Muses* yakni tempat untuk belajar, institusi falsafah atau juga diklasifikasikan sebagai perpustakaan (Simmons, 2017). Tempat-tempat suci ini merujuk kepada kawasan tertutup seperti bangunan, dan kuil, malah turut juga kawasan terbuka seperti taman. Dalam peradaban zaman purba klasik, *Muses* adalah merupakan sebuah mitos kerajaan Yunani kuno. Menurut mitologi Yunani kuno, istilah ini bersandarkan kepada gabungan sembilan anak-anak Zeus, di mana setiap satunya mewakili ilmu dan keseniannya masing-masing. Misalnya ilmu sejarah, keagamaan, astronomi, seni, dan muzik. Ilmu berunsurkan kesenian ini menjadi tumpuan utama dalam kalangan masyarakat pada ketika itu. Hasil karya seni dipamerkan di mana-mana sahaja daripada kuil dan bangunan awam kepada rumah orang-orang kaya serta kepada ukiran pada barangan. Walau bagaimanapun konsep muzium dalam tempoh ini adalah jauh beza dari muzium kini. Hal ini demikian kerana, tidak wujud suatu sistem sistematik dalam penyimpanan koleksi terhadap hasil kesenian ketika itu tetapi lebih kepada apresiasi hasil seni untuk tatapan umum sahaja.

Perubahan berlaku sekitar abad ke-3 sebelum Masihi dengan kewujudan Muzium Alexandria oleh Ptolemy I Soter dan anaknya Ptolemy II Philadelphus (Russo, 2004). Ptolemies kononnya menubuhkan muzium ini dengan niat untuk mengumpulkan beberapa sarjana terbaik dunia Helenistik dan mengumpulkan semua buku yang diketahui pada masa itu (Berti, & Costa, 2009). Idea Ptolemy I Soter ini boleh dikatakan dipengaruhi oleh keadaan sekeliling di mana munculnya para falsafah terkenal semasa zaman purba klasik. Misalnya, Plato dan Aristotle yang banyak menyumbang dari segi ilmu pengetahuan mereka melalui kaedah penyelidikan metodologi empirikal. Secara tidak langsung menggesa Ptolemy I Soter mewujudkan sebuah institusi dalam mencari ilmu pengetahuan dunia melalui pembinaan Muzium Alexandria. Turut tersedia perpustakaan di dalam Muzium Alexandria untuk diguna pakai oleh para sarjana bagi misi mereka dalam menerokai segala bidang pengetahuan manusia. Oleh hal yang demikian tidak hairan bagi institusi muzium pada zaman itu sering dikaitkan dengan sebuah perpustakaan yang bertanggungjawab dalam menyimpan ilmu pengetahuan. Namun demikian, muzium ketika itu, hanya dikhaskan untuk para pakar ilmunan dan ahli falsafah sahaja seperti mana dikehendaki Ptolemy I dan Ptolemy II, untuk berhimpun dan bertukar-tukar pandangan. Ini bertujuan bagi memudahkan penyimpanan maklumat serta pendokumentasian segala bahan-bahan hasil kajian dan penemuan baharu mereka. Penemuan tinggalan tapak Muzium Alexandria di Mesir adalah merupakan bukti kewujudan muzium kuno semasa zaman purba klasik. Beberapa para sarjana berpendapat bahawa Muzium Alexandria adalah merupakan muzium pertama yang terbina di dunia. Muzium ini juga adalah sebagai pemula dalam menekankan matlamat muzium yang memfokuskan kepada aspek mengumpul koleksi, pameran dan klasifikasi untuk muzium dalam pembangunan sejarah (Burcu Gunay, 2012). Ini menjadikan ia sebagai sebuah institut penyelidikan yang terkenal dengan keserjanaan saintifik dan sasteranya.

Selain itu, muzium kuno lain seperti penemuan Muzium Ennigaldi oleh Leonard Wolley yang merupakan seorang pakar ilmunan arkeologi. Muzium ini ditemui sekitar tahun 1925 melalui kerja-kerja eskavasi beliau pada asalnya mengenai istana Babylon. Namun secara tidak sengaja Leonard Wolley menemui tinggalan tapak Muzium tersebut. Kurator bagi muzium ini adalah Puteri Ennigaldi, anak perempuan Raja Nabonidus, raja terakhir Empayar Neo-Babylon. Raja Nabonidus dikenali sebagai ahli arkeologi pertama dan dia memberi idea kepada Puteri Ennigaldi untuk membuat muzium (Anzovin & Podell, 2000). Muzium ini dipercayai dibina pada tahun 530 sebelum Masihi. Menurut Wolley, penemuan artifak yang terdapat di Muzium Ennigaldi ini memaparkan peradaban masyarakat di mana pada ketika itu. Di mana mereka telah pun mula mengkaji berkaitan sejarah dan rekod beribu-ribu pengalaman manusia yang telah hidup dalam tempoh 2500 sebelum Masihi iaitu sejak zaman kerajaan Ur lagi (Nor Hanisah, n.d.). Bagaimanapun, masih banyak kelompongan maklumat mengenai muzium Ennigaldi kerana sebahagian besarnya masih tidak diketahui pada zaman moden kini. Bandar Ur dan muziumnya telah ditinggalkan sekitar 500 sebelum Masihi, akibat daripada keadaan persekitaran yang semakin teruk. Ini termasuk kemarau yang teruk, bersama-sama dengan perubahan corak sungai dan kelodak. Kelaziman kemarau juga telah disebut sebagai punca kemungkinan kejatuhan banyak kerajaan terdahulu dari Zaman Gangsa.

Muzium Di Zaman Renaissance

Perkembangan institusi muzium berlaku semasa era Zaman *Renaissance*¹ sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-17. Zaman *Renaissance* adalah zaman 'kelahiran semula' dalam kreativiti di Eropah pada tahun 1300-an. Berlakunya kemunculan semula penerapan terhadap ilmu falsafah, sastera dan seni klasik. Ia membawa perubahan dalam banyak bidang seperti politik (kerajaan), sosial (rakyat), ekonomi (perniagaan, perdagangan, wang), dan budaya (tradisi dalam seni, kesusasteraan, dan lain-lain). Salah satu perubahan yang menyumbang kepada perkembangan institusi muzium adalah kemajuan teknologi dan ilmu pelayaran. Alat kelengkapan navigasi seperti kompas magnetik telah dicipta pada abad kedua belas, telah diperbaiki semasa *Renaissance*. Ini membantu para-para sarjana dan tokoh dalam pelayaran menerokai ilmu dunia. Tokoh-tokoh para ilmuwan di Eropah ini telah mengamalkan apa yang dikenali sebagai falsafah *Renaissance* (Ahmad Farid, & rakan-rakan, 2019). Falsafah ini didasari oleh sifat ingin tahu serta mempelajari ilmu dan benda baru daripada dunia luar. Ini mendorong mereka melaksanakan ekspedisi penjelajahan ke benua-benua lain di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, sementara *Renaissance* membawa beberapa perubahan positif kepada Eropah dalam menerokai ilmu dunia, pada masa ini membawa kepada penjajahan yakni kolonialisme dalam kalangan orang-orang Eropah ke atas wilayah yang mereka temui. Kisah penjelajahan yang terkenal misalnya Christopher Columbus adalah seorang penjelajah Itali. Dia telah diupah oleh raja dan permaisuri Sepanyol untuk mencari laluan pelayaran yang pantas ke Asia. Pada tahun 1492, dia mendarat di sebuah pulau di Laut Caribbean beranggapan itu adalah India, tetapi dia silap. Beliau menamakan tanah ini sebagai "Dunia Baru." Tidak lama kemudian, banyak negara Eropah lain berjuang untuk menguasai tanah baru ini. Negara-negara ini termasuk Sepanyol, Perancis, Belanda, dan England. Setiap negara mahukan kekayaan dan kuasa.

Hasil dapatan mereka mengenai segala bentuk maklumat serta barangan yang dijumpai tentang masyarakat tanah jajahan dikumpul, dan kemudiannya ia disimpan sebagai bahan asas untuk muzium mereka. Pengumpulan tersebut telah menjadi pemula kepada kewujudan fenomena *The Cabinet of Curiosity*². *The Cabinet of Curiosity* diklasifikasikan sebagai pra muzium moden pada masa kini. Secara amnya, pembinaan *The Cabinet of Curiosities* adalah bergantung kepada minat serta sifat ingin tahu kurator tersebut. Setiap objek yang disimpan dan dikumpul mempunyai makna dan identiti yang tersendiri. Sebagai contoh, orang barat membawa balik semua flora, fauna dan kraf menarik yang ditemui semasa ekspedisi mereka ke benua baru dan memutuskan untuk mencipta sebuah koleksi untuk memaparkan serta rekod bukti penaklukan mereka. Ia bagi memperlihatkan pengalaman mereka berjumpa, berinteraksi dan membangunkan masyarakat primitif yang dijajah. Menurut David Murray, melalui

¹ Zaman *Renaissance* (juga dikenali zaman Pembaharuan), merupakan tempoh kemunculan kehidupan intelek Eropah yang dipengaruhi oleh perubahan budaya. Ia bermula di Itali pada akhir Zaman Pertengahan dan kemudiannya merebak ke seluruh Eropah. Zaman Pembaharuan melambangkan kelahiran semula Eropah dari tempoh ketandusan yang agak lama dengan kebangkitan dari segi perdagangan, penjelajahan, seni ukir, lukisan, muzik dan sains (Jerry Brotton, 2006).

² *The Cabinet of Curiosities* (dikenali dalam bahasa Jerman iaitu *Wunderkammer*, juga sebagai *Cabinets of Wonder, and wonder-rooms*) adalah ruang koleksi yang menempatkan objek-objek yang terkenal dan pelik. Istilah kabinet pada awalnya menggambarkan sebuah ruangan bilik dan bukannya perabot seperti mana terjemahan terus daripada perkataan *Cabinet*. Bilik-bilik ini merupakan koleksi ensiklopedia pelbagai objek menarik dari seluruh dunia seperti barangan yang ditemui dalam alam semula jadi, barangan antik dan seni. Terminologi moden akan mengkategorikan koleksi objek yang dikumpul adalah seperti sejarah semula jadi (ada kalanya dipalsukan), geologi, etnografi, arkeologi, peninggalan agama atau sejarah, karya seni (termasuk lukisan kabinet), dan barang antik. British Library Board, *Cabinet of Curiosities*, Dari : <https://www.bl.uk/learning/timeline/item107648.html>, diakses pada 15 Mac 2022.

penulisan beliau *Museums: Their History and their Use*, meletakkan *The Cabinet of Curiosity* sebagai pelopor kepada muzium modern kini. Berdasarkan pemerhatian beliau, Murray berhujah bahawa segala objek dan koleksi terkumpul di dalamnya bukan sahaja minat intrinsik kepada pengumpulnya seperti ahli sains dan sejarah, malah setiap koleksi itu mempunyai nilai yang tersendiri kerana ia membolehkan kita mempersoalkan idea muzium itu sendiri, pemilihan bahan dan cara organisasinya (David Murray, 1904). Fenomena *The Cabinet of Curiosity* ini semakin popular dalam kalangan aristokrat, bangsawan, pedagang, penyelidik saintifik dalam *Renaissance* Eropah abad ke-16. Zaman penjelajahan ketika era *Renaissance* telah membuka dunia baru kepada orang Eropah dalam meluaskan skop koleksi yang di kumpul oleh mereka. Walau bagaimanapun terdapat motif lain disebalik fenomena *The Cabinet of Curiosity* yang bukan hanya sekadar pengumpul koleksi objek sebagai hobi semata-mata atau mempelajari ilmu dunia. Hal ini demikian kerana wujudnya hubung kait di antara objek koleksi yang di kumpul dengan status sosial seseorang individu.

Barang-barang utama yang menjadi perhatian utama oleh kurator ini mempunyai karakteristik yang khusus di mana suatu spesimen yang dianggap pelik, unik dan jarang dijumpai pada ketika itu (Nor Hanisah, n.d.). Keunikan spesimen tersebut menjadi kayu pengukur kepada nilai barang sehingga dijadikan sebagai simbol kekayaan dan status seseorang. Dalam erti kata lain juga bertujuan untuk memperlihatkan pengaruh dan kuasa seseorang. Semakin unik dan pelik sesuatu barang atau spesimen yang di kumpul, maka semakin tinggi status sosial dan pengaruh kurator. Tuntasnya, dapat dilihat bahawa dapat dikenal pasti persamaan konsep di antara *The Cabinet of Curiosity* dengan muzium kini, namun tidak dinafikan wujud perbezaan antara keduanya. Kedua-duanya mengamalkan konsep pengumpulan bahan-bahan lama. Walaupun berkongsi persamaan tertentu dengan muzium moden, kabinet beroperasi mengikut prinsip organisasi, paparan dan tafsiran yang berbeza, dan kedua-duanya difikirkan dan diterima dalam konteks sejarah, sosial dan budaya yang berbeza sama sekali. *The Cabinet of Curiosities* dilihat lebih kepada bersifat privasi berbanding dengan muzium moden kini yang bersifat terbuka kepada masyarakat. Hakikatnya *The Cabinet of Curiosities* bukan untuk orang ramai. Malah koleksi yang terkumpul hanya diperagakan kepada golongan yang taraf sosial dan pendidikan yang sama yakni merujuk kepada golongan elit sahaja (Hudson, 1977).

Muzium Di Zaman Enlightenment

Menjelang pertengahan abad ke-18, berlaku perubahan penstrukturan sosial yang berbeza di mana munculnya beberapa pemikiran yang menjadi popular. Salah satunya ialah kebangkitan Pencerahan (*Zaman Enlightenment*). Pergerakan intelektual ini bertujuan untuk memahami dunia yang dilihat dari perspektif orang Eropah yang menjajah tempat lain di seluruh dunia dan mendedahkan perkara baharu yang menuntut penjelasan baharu. Pada era ini juga dilihat berlakunya kekurangan populariti *The Cabinet of Curiosity* dalam kalangan masyarakatnya. Fenomena *The Cabinet of Curiosity* mula dianggap semakin lapuk dan ketinggalan. Hal ini demikian kerana, ia mendapat kritikan hebat daripada golongan para ilmuwan yang melihat kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan *The Cabinet of Curiosity* ini. Sebagai contoh, seorang ahli pakar falsafah sains moden iaitu Francis Bacon telah mengkritik bahawa konsep *The Cabinet of Curiosity* dianggap tidak memberikan apa-apa manfaat keuntungan kepada sesiapa apatah lagi terhadap masyarakat. Beliau menegaskan lagi, Ianya hanya lebih kepada kepuasan hati kurator itu sendiri seperti mana beliau ungkapkan “*frivolous, impostures for pleasure and strangeness*” (Francis Bacon, 1873).

Selain itu, pengurusan *The Cabinet of Curiosity* yang dikenal pasti tidak sistematik menjadi kelemahan dan ketinggalan zaman. Kelemahan ini disentuh oleh Steven Mullaney menerusi bukunya *The Place of the Stage*, di mana beliau mengkritik sistem pengurusan *The Cabinet of Curiosities* yang tidak sistematik dan bercampur baur. Beliau menegaskan bahawa adalah perlu bagi wujudnya suatu sistem pengurusan yang sistematik, agar terlihatnya teratur mengikut pengkategorian dan memberi manfaat kepada masyarakat (Steven Mullaney, 1995). Pernyataan ini disokong oleh Charles Willson Peale's' (1822), berpendapat bahawa semua objek perlu tersusun rapi agar dapat menghasilkan sebuah penceritaan disebalik setiap objek atau artifak yang dipamerkan. Dengan ini para pengunjung dapat melihat, menghayati, memahami dan belajar daripada koleksi objek tersebut. Tegas beliau lagi, muzium adalah sebuah institusi untuk mengajar, bukannya pameran hasil penerokaan (Steven Lubar, 2018). Muzium seharusnya lebih dari sekadar sebuah bangunan atau bilik yang penuh dengan spesimen dalam kotak kaca. Ia harus menjadi ruang yang penuh dengan idea, disusun dengan sistem pengurusan yang rapi (Langley, 1897).

Ini menjadi titik permulaan kepada berlakunya perubahan dalam pengurusan institusi muzium. Segala pandangan dan kritikan daripada golongan sarjana terhadap *The Cabinet of Curiosities* telah menjadi dasar serta prinsip panduan bagi institusi muzium moden kini. Bukti perubahan paradigma dalam institusi muzium bermula dengan Muzium British. Muzium British merupakan muzium moden yang pertama dibuka kepada orang ramai pada tahun 1759. Ini memperlihatkan perubahan muzium daripada bersifat koleksi dan privasi yang diamalkan dalam *The Cabinet of Curiosities* kepada muzium bersifat terbuka. Transisi ini telah memberikan impak yang positif dalam dunia pemuziuman. Ini adalah peralihan fokus yang ketara, yang berlaku apabila muzium telah berkembang daripada institusi elit yang hanya tersedia untuk golongan bangsawan kepada institusi awam yang lebih luas (Kotler, N. & Kotler, P, 1998). Pada abad ke-19 Muzium British menjadi semakin popular dan mula terbuka kepada kalangan semua kumpulan umur dan peringkat kelas sosial. Di antara muzium moden awam lain yang dapat dikenal pasti adalah seperti *Muzium Ashmolean*, *Muzium Lourve di Paris*, dan *American Museum*. Masyarakat pada ketika ini mula menjadikan lawatan kemuzium sebagai salah satu aktiviti riadah mereka. Muzium pada ketika ini mula dilihat berkait rapat dengan penyelidikan dan pembelajaran ilmiah. Walau bagaimanapun, mereka kebanyakannya dijadikan sebagai alat dalam permainan kuasa antara raja-raja atau pemimpin Eropah. Koleksi yang hebat adalah cara yang berkesan untuk menayangkan kuasa mereka di mata dunia. Ia juga merupakan satu cara untuk mengisytiharkan ketuanan budayasesebuah negeri seperti yang dijelmakan oleh rajanya. Ini boleh dilihat pada institusi muzium yang wujud di Malaysia semasa era kolonial.

Sejarah Pertapakan Institusi Muzium Di Malaysia

Sejarah perkembangan institusi muzium di Malaysia terbahagi kepada dua peringkat iaitu muzium pra merdeka dan muzium pasca merdeka. Menelusuri perkembangan kewujudan muzium di Malaysia memperlihatkan perbezaan dari konteks latar belakang awal dan perkembangan muzium berbanding dengan sejarah muzium di peringkat Eropah.

Muzium Pra Merdeka

Sejarah institusi muzium di Malaysia dalam konteks pra merdeka boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu semasa zaman pemerintahan kesultanan melayu dan keduanya semasa zaman pemerintahan kolonial di Tanah Melayu. Sebenarnya, pertapakan institusi permuziuman di Tanah Melayu bermula dari ideologi yang dicetuskan oleh British semasa zaman kolonial

pada abad ke-19. Walau bagaimanapun, wujudnya sebuah institusi yang berfungsi sebagai 'muzium kuno' semasa era pemerintahan Kesultanan di Tanah Melayu. Jika dilihat kepada koleksi-koleksi yang dipamerkan di muzium pada masa kini, terdapat banyak artifak atau objek terjaga rapi yang dilabelkan berusia lebih dari 300 tahun dahulu. Dapat dikenal pasti institusi tersebut adalah istana raja atau sultan yang dilihat mengamalkan konsep dan ciri-ciri muzium moden ini. Sama seperti Muzium Alexandria semasa zaman Greek, Istana di Alam Melayu pada ketika itu seringkali dikaitkan sebagai pusat pendidikan atau gedung ilmu. Hal ini demikian kerana didorong oleh kegiatan penyebaran Islam semasa pemerintahan Kesultanan Melaka. Istana, rumah, masjid dan surau telah berfungsi sebagai institusi pendidikan dan pusat dakwah. Selain tempat menuntut ilmu pengetahuan, istana juga berperanan sebagai pusat perbincangan, perpustakaan, penggubalan hukum kanun, tempat penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab, serta tempat menyimpan karya-karya Islam (Mohd Zahirwan Halim, 2014).

Dari aspek ini dapat dilihat persamaan dari segi peranan istana dalam memperolehi ilmu, memelihara dan menjaga artifak, dokumen dan historiografi. Buktinya masih wujud sehingga kini segala bentuk hikayat, puisi, epik dan kesusasteraan klasik yang dikarang oleh para ilmuwan suatu ketika dahulu semasa zaman pemerintahan kesultanan Melayu. Segala hasil karya ini terkandungnya bukti peradaban tamadun di Alam Melayu ketika itu merangkumi tentang hal perihal kehidupan, adat istiadat, susur galur keturunan, hal ehwal politik istana, kebudayaan rakyat dan pelbagai lagi. Sebagai contoh, antara karya agung kekal sehingga kini seperti Sulalatus Salatin Sejarah Melayu, Tuhfat Al-Nafis, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanapiah, Hikayat Hang Tuah, Dar al-Manzum dan banyak lagi. Karya ini menyentuh pelbagai aspek dari segi keadaan politik, ekonomi, status sosial dalam masyarakat, bahkan juga memberikan perincian mengenai sesebuah istana sultan yang gemilang di zamannya. Ini sehinggalah ia dapat membantu generasi kita pada masa kini dalam mengetahui dan mendapat gambaran sebenar mengenai peradaban masyarakat zaman Melaka serta rupa bentuk dan perincian istana agung tersebut. Buktinya, telah wujud pembinaan replika Istana di Bandar Hilir, Melaka yakni Istana Sultan Mansur Shah yang dijadikan sebagai Muzium Istana Melayu Melaka pada tahun 1986. Ia dibina berdasarkan dari sumber karya Sejarah Melayu Sulalatus Salatin (Ahmad Farid Abd Jalal, n.d.). Begitu juga dengan peragaan koleksi pakaian tradisional, aksesori perhiasan, senjata dan peralatan tembikar semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Seterusnya, institusi permuziuman di Tanah Melayu mula melihat perkembangan semasa zaman kolonial yakni penjajahan British. Berbeza dengan perubahan semasa di Eropah, tiada satu pun penemuan wujudnya amalan *The Cabinet of Curiosities* dalam peradaban masyarakat di Alam Melayu. Dikenal pasti bahawa pengaruh barat menjadi faktor dominan kepada pertapakan institusi muzium di Tanah Melayu. Catatan memperlihatkan sebanyak tiga buah muzium awal yang terbina di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan Malaysia. Bermula dengan penubuhan Muzium Perak pada tahun 1883, kemudian Muzium Selangor dan Muzium Sarawak. Kemunculan ideologi penubuhan muzium di Tanah Melayu bermula pada abad-ke19 yang bermula daripada cetusan idea oleh Residen British di Perak iaitu Sir Hugh Low. Peristiwa malang pembunuhan yang berlaku terhadap J.W.W. Birch memberikan pengajaran kepada Sir Hugh Low akan kepentingan dalam memahami dari aspek budaya dan adat resam masyarakat tempatan. Oleh itu, Sir Hugh Low telah bercadang agar mewujudkan sebuah muzium di Perak pada 1883 bagi mengkaji kehidupan sosial di Tanah Melayu. Beliau telah mengarahkan seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit

Larut iaitu Leonard Wray Junior, untuk mengumpul segala bahan berkaitan sejarah, sosio-ekonomi, etnologi, geologi, dan zoologi (Peacock, 1955). Dengan ini ia dapat membantu pelaksanaan dasar-dasar yang difikirkan sesuai di Tanah Melayu bagi memastikan pentadbiran British di suatu tempat bertahan dengan lama. Selain itu, terdapat juga penubuhan muzium pertama di Borneo iaitu Muzium Sarawak. Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching pada tahun 1888 oleh Raja Sarawak yang kedua iaitu Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan.

Pengaruh Kolonial Dalam Institusi Muzium Malaysia

Penubuhan institusi muzium di Tanah Melayu dan Borneo oleh kolonial dilihat seperti memberikan dampak positif kepada masyarakat tempatan. Muzium dijadikan simbol atau pusat ilmu atau kajian menyeluruh terhadap Tanah Melayu dan Borneo sama ada dari aspek peradaban masyarakat tempatan mahu pun penemuan kekayaan flora dan fauna. Namun demikian, realitinya penubuhan muzium ini adalah bertunjangkan kepada ideologi *kolonialisme*³ mereka, serta bermatlamat dalam memenuhi agenda tersebut (Ahmad Farid, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal, Rahimin Affandi, 2019). Kedatangan British semasa era penjajahan ke Tanah Melayu tidak bertangan kosong tetapi telah membawa masuk ilmu kolonial yang sememangnya menjadi polisi utama yang ditetapkan oleh penjajah British. Ilmu kolonial adalah ilmu yang dikumpulkan oleh sarjana-pentadbir British di Tanah Melayu yang mengandungi segala maklumat terperinci mengenai masyarakat tanah jajahan sama ada dari aspek, kehidupan sosial, budaya dan sebagainya. Tujuan utama ilmu kolonial ini adalah untuk pengawalan dan pemantauan yang sepatutnya terhadap tanah jajahan mereka. Ilmu kolonial adalah sinonim dengan disiplin orientalisme, iaitu ilmu yang mengkaji ruang fizikal dan pemikiran masyarakat bukan Barat secara lebih tuntas. Mereka mengkaji wilayah 'Timur' secara budaya dan ideologi, sebagai suatu bentuk wacana dengan dokongan institusi, kosa kata, keilmuan, imaginasi, doktrin, birokrasi dan gaya kolonial. Ilmu kolonial ini memaparkan kuasa ontologi British untuk mengkodifikasi dan menyusun semula bentuk pengetahuan dan amalan tertentu di tanah jajahan, berdasarkan apa yang sesuai dengan pandangan Eropah. Ciri-ciri umum pandangan dunia kolonial biasanya merangkumi *Eurocentrism*, regionalisme, sekularisme, negativisme terhadap Islam, dan tidak menghiraukan penduduk dan budaya tempatan.

Secara langsung, koleksi artifak dan kajian yang disimpan di muzium ini berteraskan kepada *world-view* Barat tanpa mempedulikan kepentingan dan kebajikan masyarakat tanah jajahan. Dalam erti kata lain, mereka mengumpul maklumat dan mengolahnya daripada sudut pandangan mereka sahaja tanpa menghiraukan pandangan masyarakat jajahan. Hal ini menyebabkan sebahagian besarnya tidak mewakili kepentingan masyarakat tanah jajahan, walaupun dikatakan kedatangan mereka untuk mentamadkan masyarakat tanah jajahan (Hussain Othman, 2011). Mereka mendakwa bahawa pengumpulan maklumat tersebut

³ Istilah 'kolonialisme' membawa makna yang berbeza mengikut masa dan keadaan ia digunakan. Pada umumnya, kolonialisme mempunyai dua pengertian. Pertama, proses sesuatu kuasa mendapatkan kawasan petempatan baru melalui kaedah penaklukan dan penghijrahan. Kaedah penaklukan bererti perluasan kawasan melalui tindakan ketenteraan. Kedua, kaedah penghijrahan, bererti perpindahan rakyat sesuatu kuasa atau negara ke kawasan yang belum diterokai atau didiami oleh orang lain. Di dalam konteks Malaysia, definisi kolonialisme lebih berkait rapat dengan makna yang pertama iaitu penghijrahan British mendiami (penjajahan) Tanah Melayu. Oleh sebab para penghijrah ini mengekalkan hubungan dan menerima kuasa pemerintahan British maka kawasan itu merupakan sebahagian daripada tanah jajahan British. (Azhar Hj. Wahid, 2011)

dilakukan demi nilai ilmiah yang murni atas dasar untuk mengkaji ilmu baru dan tiada niat yang lain disebaliknya. Walau bagaimanapun, pandangan metodologi orientalis hakikatnya mengandungi pelbagai bentuk provokasi dan konfrontasi terhadap kebudayaan tertentu terutamanya bukan barat. Ia dikonstruksi khusus untuk membezakan di antara masyarakat Timur dan Barat tanpa mengambil kira persetujuan mereka. Seringkali mereka merasakan bahawa darjat bangsa Barat ini adalah lebih tinggi dan bertamadun berbanding budaya lain yang dianggap mundur.

Ini seiring dengan slogan yang menjadi tunjang pegangan orang Barat iaitu "*the White man's Burden*"⁴ yang menerapkan sikap *euro-centric*, di mana falsafah ini dilihat bersifat merendahkan masyarakat bukan barat. Di Muzium British, telah diwujudkan satu persembahan yang menggambarkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang primitif, *irrational*, dan mudah tetapi bersifat eksotik dan memukau dari sudut pandangan orang barat. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuas hati dengan apa-apa yang dimiliki (Ahmad Farid, Awang Azman & Rahimin Affandi, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa penubuhan institusi muzium di Tanah Melayu memberikan signifikan yang penting dalam mencapai matlamat agenda kolonialisme mereka yakni sebagai institusi penting dalam menyimpan, pusat kajian, pemuliharaan dan penjagaan segala hasil dapatan penyelidikan yang dilaksanakan.

Selain itu, dakwaan perkaitan muzium dengan kolonialisme dapat dibuktikan dengan melihat kepada konsep muzium yang diamalkan oleh penjajah British. Ia mempunyai perkaitan dengan konsep muzium klasik semasa era *Renaissance* yakni menerusi *The Cabinets Of Curiosities* di Eropah. Kedua-duanya dijadikan sebagai tempat penyimpanan koleksi objek atau artifak atas tujuan tertentu sahaja iaitu menunjukkan prestij pemilikinya. Penyataan ini disokong oleh Edward Said (1983) mengatakan bahawa bidang pemuziuman yang terbina itu dibuat daripada sudut perspektif British yang berat sebelah dan *bias* tanpa mengambil kira kolektif pandangan daripada masyarakat tanah jajahan. Tegasnya lagi, segala objek yang diperagakan di dalam muzium tersebut secara kosong semata-mata. Masyarakat tanah jajahan dijadikan sebagai objek bawahan sebagai bahan pameran untuk memperlihatkan kemasyhuran dan autoriti mereka di mata dunia. Muzium dijadikan sebagai instrumen propaganda pihak Inggeris dalam memperlihatkan sumbangan mereka kepada masyarakat yang dijajah. Di dalam konteks penjajahan di Tanah Melayu, kesemua kumpulan data-data akan diserahkan kepada pihak British di London bagi memperlihatkan segala kemajuan yang mereka lakukan di Tanah Melayu. Sebagai contoh, penyediaan pelbagai infrastruktur fizikal seperti sistem jaringan jalan raya, pengangkutan, perancangan bandar dan sebagainya. Namun demikian, bentuk infrastruktur fizikal terpenting yang dijadikan simbolik kejayaan mereka adalah penubuhan muzium di koloni iaitu di Tanah Melayu (Maxwell, 1983).

⁴ *The White man's Burden* sebenarnya merupakan sebuah puisi karya penyair Inggeris iaitu Rudyard Kipling diterbitkan pada tahun 1899. Puisi ini menggambarkan subjek Penjajahan Amerika ke atas Filipina selepas mengalahkan Sepanyol. Penjajahan dalam puisi itu tidak digambarkan sebagai satu cara untuk bangsa kulit putih memperoleh kekayaan atau kuasa individu atau negara. Sebaliknya, pengarang mentakrifkan imperialisme dan kolonialisme kulit putih dari segi moral, sebagai suatu "beban" yang mesti dipikul oleh kaum kulit putih untuk membantu kaum bukan kulit putih membangunkan tamadun. Misalnya, membawa pendidikan dan kebudayaan Barat kepada penduduk bukan putih di koloni mereka. *The White Man's Burden Summary & Analysis*, Dari : <https://www.litcharts.com/poetry/rudyard-kipling/the-white-man-s-burden>, Diakses pada 27 April 2022.

Dekolonisasi Muzium Di Malaysia Pasca Kemerdekaan

Dekolonisasi atau juga dikenali sebagai penyahjajahan adalah merupakan suatu perbuatan pemansuhan kolonialisme. Ini merujuk kepada penguasaan, autoriti, dan pengekalan kekuasaan kuasa luar (penjajah) terhadap sesebuah wilayah atau negara. Dalam erti kata mudah dekolonisasi bererti proses membebaskan sesuatu wilayah daripada kuasa penjajah (penyahjajahan). Tindakan dekolonisasi ini tidak hanya menyingkirkan penguasaan kuasa penjajah di sesebuah wilayah atau negara, malah turut menghapuskan segala fahaman-fahaman, ideologi pihak penjajah yang menyusup dalam pemikiran masyarakat di wilayah jajahan mereka (Mohd Azhar, 2021). Dane Kennedy (2016) mendefinisikan dekolonisasi sebagai pengunduran kuasa penjajahan dari tanah jajahan dan pemerolehan pembebasan yakni kemerdekaan dari segi politik dan ekonomi oleh penduduk di tanah jajahan. Menurut Linda Tuhiwai Smith (2007) pula, menyatakan bahawa berlaku perubahan dari segi makna sebenar dekolonisasi. Dahulunya, dekolonisasi difahami sebagai proses penyerahan kuasa penuh kerajaan secara rasmi kepada penduduk asal, namun, kini dimaksudkan sebagai suatu proses jangka panjang yang melibatkan pelupusan kuasa penjajah dalam aspek birokrasi, budaya, bahasa dan psikologi.

Kemunculan dan perkembangan dekolonisasi berlaku selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua pada 1942. Hal ini demikian kerana kemunculan gerakan pembebasan dan pejuang kemerdekaan yang muncul di wilayah jajahan kuasa besar semakin berleluasa dan tidak dapat dibendung lagi. Gerakan antikolonial dan haluan kiri telah mempercepatkan proses dekolonisasi daripada dominasi kuasa penjajah. Di antara 1945 dan 1960, sejumlah negeri baru di Asia dan Afrika telah mencapai autonomi atau kemerdekaan langsung daripada pemerintah kolonial Eropah mereka. Dekolonisasi fizikal berlaku dalam dua bentuk, perjuangan kekerasan dan perjuangan di meja rundingan (Burhan Che Daud, n.d.). Di dalam konteks sejarah Malaysia, dekolonisasi tercapai melalui rundingan meja bulat yang dilakukan oleh rombongan Tunku Abdul Rahman ke London dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Namun begitu, realitinya kemerdekaan yang berjaya dituntut ketika itu hanya secara fizikal atau tersurat di atas kertas hitam dan putih. Hal ini demikian kerana, segala sistem kehidupan sosial masyarakat, baik dari aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan mahu pun politik masih lagi bertunjangan kepada telunjuk serta acuan Barat. Buktinya terlihat pada dasar dan asas pemerintahan Malaysia yang mengikut kerangka acuan British semasa awal tempoh pasca kemerdekaan Malaysia (Shamsul Amri Baharuddin, 1983).

Institusi muzium juga tidak terlepas daripada pengaruh kolonial. Kajian pada 2018 mengenai kesan perubahan corak geopolitik terhadap penggubalan dasar museologi antarabangsa, mendedahkan bahawa pengarang bibliografi dan petikan untuk teori museologi, yang dihasilkan sejak 50 tahun lalu, adalah daripada latar belakang yang dicipta dalam struktur kuasa kolonial (Shamsul Amri Baharin, 2012). Sebagai tambahan lagi, melihat kepada muzium pertama yang ditubuhkan di Malaysia semasa zaman penjajahan, iaitu muzium Perak ditubuhkan di bawah rangka kerja muzium 'antarabangsa' ini. Di peringkat awal pasca kemerdekaan kerajaan telah menerima pakai sepenuhnya falsafah dan mekanisme permuziuman warisan penjajah British. Apa yang jelas, model sistem British yang menekankan historiografi masyarakat tanah jajahan dijadikan asas untuk ditiru selepas Malaysia merdeka. Ia merangkumi soal menyimpan artifak berharga, menyusun dan klasifikasi bersesuaian dengan tahun khusus dan mentafsirkan artifak bersejarah. Oleh itu, institusi muzium di Malaysia juga tergolong dalam perlunya pelaksanaan dekolonisasi. Apakah yang dimaksudkan dengan dekolonisasi muzium atau bagaimanakah dekolonisasi muzium di dalam

institusi muzium dilaksanakan? Ini adalah merupakan beberapa persoalan yang timbul jika dilihat aspek dekolonisasi dalam konteks institusi muzium. Secara ringkasnya, dekolonisasi muzium bertujuan usaha sarjana tempatan melakukan rekonstruksi sejarah tempatan dari perspektif yang lebih holistik. Menyingkirkan segala pemikiran, falsafah dan ideologi barat yang terdapat di dalam pengurusan muzium. Ini merangkumi segala naratif barat, pentafsiran maklumat dan info ke atas koleksi artifak atau objek yang diperagakan di muzium. Hal ini demikian kerana, segala penerangan maklumat koleksi tersebut hanyalah dari sudut pandang kolonial yakni British semasa pra merdeka di Tanah Melayu, dan tidak mengambil kira dari sudut pandang masyarakat tempatan.

Pandangan yang bersifat sehalu ini telah menjurus kepada wujudnya pengaruh *euro-centric* dalam menyalurkan maklumat. Oleh itu, dekolonisasi institusi muzium di Malaysia adalah penting agar memberikan peluang kepada masyarakat tempatan dalam menyalurkan informasi yang sebetulnya. Menurut *Washington Post*, mentakrifkan dekolonisasi muzium sebagai “*It is a process that institutions undergo to expand the perspectives they portray beyond those of the dominant cultural group, particularly white citizens*” (Shoenberger, 2019), manakala Abbe Museum di United States berpendapat “*at a minimum, sharing authority for the documentation and interpretation of Native culture.*” Pandangan ini menegaskan bahawa, segala bentuk sejarah yang berlaku di peringkat tempatan sepatutnya dijelaskan oleh masyarakat tempatan itu sendiri. Terutamanya sejarah lampau yang berkaitan dengan budaya dan amalan keagamaan masyarakat tempatan. Ini disokong oleh Jaclyn Roessel seorang kurator dan presiden Grownup Navajo, menolak campur tangan daripada luar dalam mengisahkan sejarah lampau masyarakat tempatan. Di dalam konteks muzium Malaysia dapat dilihat kepada organisasi yang mengurus muzium pra merdeka didominasi oleh pegawai British. Muzium Perak pada awal penubuhannya diselaras oleh Leonard Wray sebagai kurator yang dilantik oleh Sir Hugh Low. Kurator orang yang bertanggungjawab menjaga, menyelia dan mengurus koleksi di muzium. Segala keputusan yakni keputusan mengenai pameran, apa yang ditunjukkan dalam pameran? Bagaimana kisah artifak itu diceritakan? Semuanya ditentukan oleh kurator. Selain Leonard Wray, pegawai British lain yang berkhidmat di muzium seperti M. Keilich seorang pakar dalam pengawetan binatang dan pegawai kanan muzium Perak (Mohamad Saad Othman, 1993). Kakitangan Muzium Perak yang terdiri daripada orang Melayu dan India bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan keselamatan muzium. Manakala pekerja orang asli dijadikan sebagai tenaga buruh lasak dalam cari gali dan penunjuk arah selok-belok hutan.

Muzium di zaman kolonial di Tanah Melayu dilihat telah menyahkontekstualkan objek daripada keadaan dan makna asalnya, kemudian merangka semula mengikut syarat mereka sendiri, yang selalunya terikat dengan ideologi kolonial (Hariz Kamal, n.d.). Misalnya, melihat kepada tafsiran orang barat terhadap historiografi dan objek milik masyarakat melayu. Sarjana kolonial menolak sumber sejarah tempatan yang mem rangkumi Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Tuhfat Al-Nafis dan sebagainya tidak mengandungi apa-apa faedah yang menggambarkan latar belakang sosio-politik-ekonomi dan intelektual masyarakat Alam Melayu, perincian peradaban lampau di Alam Melayu dengan mengklasifikasikan mereka sebagai mitos (Rahim Affandi, & rakan-rakan, 2017). Selain itu, objek seperti keris, kadangkala dikurangkan maknanya. Bagi orang Melayu dan orang Jawa, keris bukan sekadar senjata malah ia adalah sebahagian daripada identiti seseorang yang melambangkan jati diri mereka. Keris mempunyai kedudukan yang khusus di dalam masyarakat Melayu. Di dalam konteks istana, keris dijadikan sebagai alat kebesaran Di Raja serta disanjung tinggi sehingga dijadikan sebagai simbolik darjat dan pangkat (Mohd Kassim,

1990). Selain itu, turut dikaitkan dengan kesaktian dan keistimewaan yang luar biasa. Namun, berbeza pada pandangan Barat yang melihat, ia hanyalah sebuah bilah melengkung atau hanya senjata.

Ini secara tidak langsung menyebabkan suatu objek atau artifak itu hilang nilai dan makna sebenar sebaliknya. Bagi kebanyakan masyarakat tempatan, objek bukan sekadar spesimen saintifik atau karya seni. Ia juga mungkin merupakan pusaka keluarga, simbol pangkat dan status, bahan suci yang diperlukan untuk kepercayaan agama, dan amalan atau dokumen sejarah dan warisan masyarakat. Kekayaan dan prestij sesuatu objek boleh menjadi objek yang tidak ternilai kepada warisan mereka. Oleh itu, wujud perdebatan antara pengetahuan budaya (*cultural knowledge*) dengan pengetahuan akademik (*academic knowledge*) dalam menghasilkan sebuah naratif terhadap koleksi artifak yang diperagakan. Secara tradisionalnya, muzium lebih cenderung dan mengutamakan pengetahuan akademik (*academic knowledge*). Namun begitu, pengetahuan budaya (*cultural knowledge*) juga mempunyai signifikan yang penting kerana ia merupakan ilmu yang diperoleh secara turun temurun yang berkait rapat dan sehati dengan kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat tempatan. Muzium sebagai saluran pendidikan kepada masyarakat perlu menilai kembali pengisian-pengisian yang diperagakan dan dipersembahkan kepada orang ramai dalam usaha memupuk semula nilai sejarah asli bangsa.

Muzium Malaysia Abad ke-21

Perubahan yang ketara dalam institusi permuziuman di Malaysia menjelang abad ke-21. Perkembangan yang pesat ini dilihat lebih memberikan dampak yang positif dari politik, ekonomi dan sosial. Pertambahan muzium telah berkembang di zaman pasca merdeka dengan mencatatkan sebanyak sebanyak 189 buah muzium pada tahun 2013 (Mohd Azmi, 2013). Skop tema yang menjadi fokus utama muzium juga dilihat semakin meluas merangkumi pelbagai bidang ilmu. Sebagai contoh, muzium botani, muzium flora dan fauna, muzium sejarah, muzium seni, muzium sains dan teknologi muzium arkeologi, muzium arkitektur dan sebagainya. Setiap tema ini bersandarkan kepada objektif tersendiri dalam penubuhan sesuatu muzium tersebut dan dibina dengan berpaksikan kepada kekuatan koleksi yang mempunyai nilainya yang amat tinggi. Perkembangan institusi muzium di Malaysia pada masa ini tidak melihatkan sebarang penurunan. Bahkan, pada tahun 2022, kerajaan Sarawak telah berjaya menubuhkan sebuah muzium baharu iaitu *Borneo Cultures Museum* di Kuching. Bermatlamat sebagai pusat menimba ilmu dalam usaha memahami kekayaan sejarah, budaya dan alam semula jadi di Sarawak. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa akan wujudnya pembinaan muzium baharu dari semasa ke semasa menunjukkan perkembangan yang positif.

Paradigma muzium di Malaysia juga telah berubah dari bersifat kolonialisme, kini dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa (*Nation Building*) (Abu Talib Ahmad, 2015). Muzium pada era moden kini adalah agen kepada perubahan dan pembangunan. Institusi muzium seharusnya mencerminkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat dan menjadi instrumen kemajuan dengan menarik perhatian kepada tindakan dan peristiwa yang akan menggalakkan pembangunan dalam masyarakat (Arinze, 1999). Ini dapat dilakukan menerusi elemen pameran yang memperagakan segala koleksi artifak atau objek yang terkumpul kepada masyarakat umum. Segala pameran sama ada terdiri daripada sejarah lampau, warisan atau budaya di dalam negara. Perubahan dari aspek pengurusan muzium juga dilihat lebih sistematik dalam menjayakan matlamat muzium sebagai alat pembangunan bangsa (*Nation Building*). Disebabkan oleh pertambahan muzium yang semakin meningkat dari semasa ke semasa,

muzium-muzium yang terbina akan diletakkan di bawah pengurusan dan pentadbiran yang berbeza. Misalnya badan organisasi yang bertanggungjawab seperti kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi-institusi pendidikan. Ini mampu melahirkan rasa kemasyarakatan dengan meraikan warisan kolektif, menawarkan cara terbaik untuk mengenali sejarah, warisan dan budaya kawasan tertentu.

Selain itu, muzium moden sinonim sebagai pusat pendidikan tidak formal. Skop kerja institusi muzium tidak hanya tertumpu kepada penjagaan dan pengumpulan artifak atau objek sejarah lampau sahaja, malah turut bertanggungjawab menyebarkan maklumat tersebut kepada masyarakat. Ia dilakukan dengan melalui pelaksanaan program-program yang bersifat ilmiah dan pendidikan seperti seminar, pameran, lawatan, forum, dan bengkel. Bukan itu sahaja, selaras dengan demografi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, kini pihak muzium juga melibatkan diri dalam aktiviti perayaan serta adat budaya kaum-kaum di Malaysia. Misalnya, pameran sempena perayaan, Tahun Baru Cina, Hari Raya, Pesta Cahaya (Deepavali) dan sebagainya. Ia memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan menghayati budaya masing-masing. Menjelang abad ke-21 juga, muzium di Malaysia telah menerima pakai konsep *New Museum* yang diperkenalkan oleh ICOM. Konsep *New Museum* memutuskan persempadanan antara masyarakat dan muzium. Muzium dulunya bersifat privasi, tetapi kini terbuka kepada masyarakat untuk diakses dengan sangat mudah dan bukan sahaja sebagai tempat penyimpanan artifak semata-mata (Ahmad Farid, & rakan-rakan, 2019). Konsep ini mengkritik konsep muzium klasik yang dikatakan hanya berorientasi pada pengamatan objek, yakni tertumpu kepada usaha-usaha mengumpulkan data dan mengkaji di muzium seperti proses pemuliharaan dan pemeliharaan bahan-bahan kemudian dipamerkan di galeri untuk tontonan sahaja. Ia dilihat seperti interaksi satu hala yang mana ia langsung tidak mengambil kira aspek memahami keperluan dan sudut pandang masyarakat dalam erti kata sebenar. Pengenalan konsep *new museum* ini bertujuan agar lebih berorientasi pada masyarakat, atau *community oriented*, di mana para pengunjung bebas mengkaji, mempelajari, memberikan maklum balas malah mengkritik apa yang dibentangkan oleh kurator.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa perkembangan institusi muzium di Eropah serba sedikit telah mempengaruhi pertapakan muzium di Malaysia. Penjajahan British ke atas Tanah Melayu telah membawa masuk ideologi muzium yang bertunjangkan kepada ilmu kolonial. Penjajahan ini bermula dengan pengamalan falsafah *Renaissance* sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-17. Falsafah *Renaissance* didasari oleh sifat ingin tahu serta mempelajari ilmu dan benda baru daripada dunia luar telah menggesa masyarakat Eropah berlayar ke lautan dalam misi menerokai ilmu di wilayah bukan Eropah. Meskipun zaman *Renaissance* membawa perubahan positif kepada masyarakat Eropah dalam menerokai ilmu dunia luar, ia juga telah membawa kepada penjajahan yakni kolonialisme dalam kalangan orang-orang Eropah ke atas wilayah yang mereka temui. Muzium Perak menjadi pemula kepada era muzium kolonial, kemudian diikuti dengan muzium Sarawak dan muzium Selangor. Pihak British pada ketika, menjadikan muzium sebagai pusat untuk mengkaji budaya, warisan dan adat resam masyarakat. Agar mereka lebih memahami cara hidup masyarakat tempatan. Tidak dinafikan cara ini secara tidak langsung membantu Tanah Melayu dalam proses pemeliharaan artifak dan manuskrip Melayu, namun hakikatnya hanyalah dijadikan sebagai satu instrumen propaganda pihak British dalam memperlihatkan sumbangan penjajahan ke atas masyarakat yang dijajah di mata dunia. Koleksi artifak dan kajian yang disimpan di muzium ini berteraskan kepada

world-view Barat tanpa mempedulikan kepentingan dan kebijakan masyarakat tanah jajahan. Ini merangkumi segala naratif barat dan bersifat *euro-centric* dalam pentafsiran maklumat dan info ke atas koleksi artifak atau objek yang diperagakan di muzium. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan dekolonisasi di peringkat muzium dilakukan pasca merdeka. Ini bertujuan bagi usaha sarjana tempatan melakukan rekonstruksi sejarah tempatan dari perspektif yang lebih holistik. Menolak naratif barat serta mengembalikan naratif pentafsiran sejarah sebenar yang mengambil kira sudut pandang serta pengetahuan masyarakat tempatan. Ini menyebabkan perubahan dalam paradigma muzium di Malaysia menjelang abad ke-21, di mana muzium dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa (*Nation Building*). Muzium dilihat lebih berorientasi pada masyarakat, atau *community oriented*, yakni memberi peluang kepada para pengunjung untuk belajar dan mengetahui artifak yang diperagakan.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

Rujukan

- Abbe Museum. *What is Decolonisation?*. Abbe Museum Strategic Plan. Dari : <https://abbemuseum.wordpress.com/about-us/decolonization/>.
- Abu Talib Ahmad. (2015). Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage. *Kemanusiaan*. 22(2). 23-45.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2020). "Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu". *JMS*. 3(1). 122 – 147.
- Ahmad Farid Abd Jalal. (n.d.). *Muzium dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia*. Jabatan Muzium Malaysia. Dari : <http://www.jmm.gov.my/files/Muzium%20dan%20Kedaulatan%20Institusi%20Beraja%20di%20Malaysia.pdf>.
- Ahmad Farid, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal, & Rahimin Affandi. (2019). Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*. 2(1). Universiti Malaya. 93-111.
- Anzovin, S, & Podell, J. (2000). *Famous First Facts. International Edition: A Record of First Happenings, Discoveries, and Inventions in World History*. H.W. Wilson.
- Arinze, E. N. (1999). *The Role of Museum in Society*. Public Lecture at the National Museum. Georgetown. Guyana.
- Azhar Hj. Wahid. (2011). Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu. *Jurnal Melayu*. 6. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 169-170.
- Baharuddin Mohd Arus. (2017). *Muzium Bukan Makam Warisan Bangsa*. Utusan Borneo. Dari : <http://eprints.ums.edu.my/id/eprint/17797/1/Muzium%20bukan%20makam%20warisan%20bangsa.pdf>
- Berti, M. & Costa, V. (2009). *The Ancient Library of Alexandria. A Model for Classical Scholarship in the Age of Million Book Libraries 1*. International Symposium on the Scaife Digital library.
- Borneo Utusan Online. (2018). *Muzium Bantu Pelajar Fahami Sejarah*. Dari : <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/14/muzium-bantu-pelajar-fahami-sejarah>
- Britannica. (n.d.). *Museum Cultural Institutions*. Dari : <https://www.britannica.com/topic/museum-cultural-institution>.

- British Library Board. *Cabinet of Curiosities*. Dari : <https://www.bl.uk/learning/timeline/item107648.html>.
- Burcu Gunay. (2012). Museum Concept from Past to Present and Importance of Museums as Centers of Art Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 22. Elsevier.
- Burhan Che Daud. *Dekolonisasi*. Artikel dirujuk daripada : <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/1247/1/BAB%209%20Dekolonisasi.pdf>.
- Byungjin Choi., Junic Kim. (2021). Changes and Challenges in Museum Management after the COVID-19 Pandemic. *Journal of Open Innovation: Technology, Market and Complexity*. 7. 148.
- Dane Kennedy. (2016). *Decolonization: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- David Murray. (1904). *Museums: Their History and their Use. With a Bibliography and List of Museums in the United Kingdom. I*. Glasgow: James MacLehose and Sons.
- Francis Bacon. (1873). *The Advancement of Learning*. London: Oxford University Press.
- Gheorghilas, A., Dumbraveanu, D., Tudoricu, A. & Craciun, A. 2017. The Challenges Of The 21st-Century Museum: Dealing With Sophisticated Visitors In A Sophisticated World. *International Journal of Scientific Management and Tourism*. 3(4). 61-73.
- Goode, G. B. (1895). *The principles of museum administration, Annual Report of Museum Association*. Smithsonian Institue. 196-197.
- Hariz Kamal. (n.d.). *Presenting Soup in A Plate: Why Our Museums Must Be Decolonised*. Dari : <https://speakernewspaper.com/presenting-soup-in-a-plate-why-our-museums-must-be-decolonised/>.
- History of Museum. Early Museums - *The First Public Museums*. dalam <http://www.historyofmuseums.com/museum-history/early-museums/>.
- Hudson. K. (1977). *Museums for the 1980s: A survey of world trends*. Paris: UNESCO. ICOM (International Council of Museum). 1990. *ICOM Statutes: Code of Professional Ethics*: 3.
- International Council of Museum. Museum Definition. Dari : <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>.
- Ishak Saat. (2010). *Penulisan Sejarah*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2019). *Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2018-2022*. D'Fa Print Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Jacqueline, Tham. Albattat, Ahmad. S. M. Ferdous Azam. (2020). The Effectiveness Of National Museum Kuala Lumpur As A Platform To Promote Malaysian Culture & Heritage. *International Journal Of Scientific & Technology Research*. 9(4). 3537-3544.
- Jahnsen, S. S. (2019). The balancing act. Museums as spaces for democratic debate: a case study from Oslo, Norway. *Museums & Social Issues*. 14. 1-22.
- Jerry Brotton. (2006). *The Renaissance : a very short introduction*. New York : Oxford University Press.
- Kalb, L. B. (2008). Nation Building and Culture Display in Malaysian Museums. *Museum Anthropology*. 21(1). 69-81.
- Kelly, L. (2006). Measuring the impact of museums on their communities: The role of the 21st century museum. *INTERCOM Conference Paper*. 1-10.
- Kotler. N. & Kotler. P. (1998). *Museum strategy and marketing: Designing missions. building audiences. generating revenues and resources*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

- Langley. S. P. (1897). *Memoir Of George Brown Goode 1851-1896*. Washington D.C.: Judd & Detweiler printers.
- Linda Tuhiwai Smith. (2007). *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*. London & New York: Zed Books Ltd.
- Maxwell. W.E. (1983). 'The Malay Peninsula: Its Resources And Prospects'. Dalam *Honourable Intentions*. Ed. P.H. Kratoska. Oxford University Press.
- Mohajan, H. K. (2018). Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People*. 7(1). Munich Personal RePEc Archive (MPRA). 23-48.
- Mohamad Saad Othman. (1993). *Muzium Perak : Sejarah Penubuhan dan Perkembangan 1882 – 1960*. Jabatan Sejarah UKM. Selangor: Bangi.
- Mohd Azhar. M. H. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa. *Online Journal of Research in Islamic Studies*.8(1). 65-83.
- Mohd Azmi Mohd Yusof. (2013). Menggiatkan fungsi muzium dan upaya pemupukan minat terhadap sejarah dalam kalangan masyarakat awam. *Proceedings of the History Summit Malaysia 2013*. 1. Wisma Sejarah. Kuala Lumpur. 17–18 December.
- Mohd Azmi, Miti Fateema. (n.d.). *Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Pengajaran & Pembelajaran Subjek Sejarah*. Jabatan Muzium Malaysia. Dari : <http://www.jmm.gov.my/files/Muzium%20Sebagai%20Institusi%20Pendidikan%20Tidak%20Formal%20Dalam%20Pengajaran%20%26.pdf>
- Mohd Kassim Haji Ali & Ramli Jaafar. (1990). *Senjata-senjata Melayu*. Muzium Negara. Kuala Lumpur.
- Mohd Zahirwan Halim. *et al.* (2014). Pengaruh Islam Dalam Perkembangan Intelektual Di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 25.
- Nor Hanisah. *Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman*. Jabatan Muzium Malaysia. Artikel dirujuk daripada : <http://www.jmm.gov.my/files/Pengenalan%20Kepada%20Dunia%20Permuziuman.pdf>
- Othman Yatim. (2005). *Syarahana Perdana Pembudayaan Muzium. Pelestarian Warisan dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia. Universiti Malaya.
- Oxford Advanced Learner's Dictionaries. *Definition of Museum*. Dari : https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/american_english/museum#:~:text=noun-.noun.modern%20art%20a%20science%20museum.
- Peacock. B.A.V. (1955). *A Report On Museum In Malaya 1954*. Federation of Malaya. Kuala Lumpur.
- Rahim Affandi, Ahmad Farid, Huzaimah Ismail, Abdul Halim Ismail, & Muhd Imran. (2017). Pengaruh Ilmu Kolonial Dalam Permuziuman Di Malaysia: Satu Analisis. *e-Academia Journal*. 6(1). 127-141.
- Rudyard Kipling. (n.d.). *The White Man's Burden Summary & Analysis*. Dari : <https://www.litcharts.com/poetry/rudyard-kipling/the-white-man-s-burden>.
- Russo. L. (2004). *The Forgotten Revolution: How Science Was Born in 300 BC and Why It Had to Be Reborn*. Springer.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1983). "Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975 : Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia". Dalam *Malaysia : Sejarah Dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur. 337-339.

- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). When knowledge invents boundaries: From colonial knowledge to multiculturalism. In Nair-Venugopal. S. (Ed.). *The gaze of the west and framings of the east*. London: Palgrave Macmillan.
- Shoenberger, E. (2019). *What does it mean to decolonize a museum?*. Dari : <https://www.museumnext.com/article/what-does-it-mean-to-decolonize-a-museum/>.
- Simmons, J. E. (2017). History of Museums. Encyclopedia of Library and Information Sciences. Fourth Edition. Taylor & Francis.
- Steven Lubar. (2018). *Cabinets of Curiosity*. Dari : <https://lubar.medium.com/cabinets-of-curiosity-a134f65c115a>.
- Steven Mullaney. (1995). *The Place of the Stage*. United States: University Of Michigan Press.
- UNESCO. (2020). *Reimagining museums for the future*. Dari : <https://en.unesco.org/courier/2020-3/reimagining-museums-future>.